

02 JAN 2001

MAS-Kerajaan

KESATUAN PEKERJA MAHU KERAJAAN TIDAK JUAL MAS LAGI

PETALING JAYA, 2 Jan (Bernama) -- Kesatuan Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia Semenanjung Malaysia (Maseu) berharap kerajaan tidak menjual saham penerbangan itu semula kepada individu ataupun menjual MAS kepada syarikat penerbangan asing.

Presiden Maseu Alias Aziz berkata anggota kesatuan lebih selesa sekiranya kerajaan terus menguasai kepentingan MAS.

"Ini kerana sebarang keputusan yang dibuat menerusi kerajaan atau badan berkanun akan berdasarkan kepentingan keseluruhan dan meliputi semua pihak bukan berdasarkan kepentingan individu," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Katanya langkah kerajaan membeli balik 29.09 peratus saham Tan Sri Tajudin Ramli melalui Naluri Berhad (Naluri) pada 20 Dis lalu juga dapat menyelamatkan syarikat penerbangan nasional itu daripada dikuasai syarikat penerbangan asing.

Naluri mengumumkan pembelian balik kepentingannya itu oleh kerajaan pada harga RM8 sesaham atau bernilai RM1.792 bilion.

"MAS tidak ada pilihan lain lagi kecuali diselamatkan kerajaan bagi kepentingan negara kerana kita tidak mahu sampai satu peringkat MAS akan dikuasai orang asing atau terus ditutup," katanya.

Alias berkata ura-ura pembelian saham MAS oleh syarikat penerbangan asing beberapa bulan lepas telah menimbulkan kegelisahan di kalangan kakitangan MAS yang khuatir khidmat mereka akan ditamatkan.

Maseu yang mempunyai keanggotaan seramai 8,500 orang berterima kasih kepada kerajaan yang berjanji akan memastikan nasib kakitangan MAS terjamin dan tiada tindakan pengurangan pekerja dilakukan, katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kakitangan MAS tidak perlu bimbang dengan kedudukan mereka kerana kerajaan tidak pernah memberhentikan pekerja sama ada apabila mengambil alih sesebuah syarikat atau ketika melaksanakan penswastan.

Alias berkata jaminan itu merupakan hadiah tahun baru kerajaan kepada kakitangan MAS yang perlu mengembalikan kepercayaan kerajaan itu dengan meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing bagi memulihkan imej MAS.

Mengenai pengganti Tajudin, Maseu bersetuju sekiranya kerajaan melantik peneraju MAS dari kalangan pengurusan tertinggi yang sedia ada ketika ini.

"Wajar diterajui orang dalam MAS sendiri kerana ada di antara mereka mempunyai pengalaman luas dalam mengendalikan syarikat ini dan tahu bagaimana mahu memulihkan imej MAS," katanya.

Sementara itu Presiden Persatuan Pengurus MAS, Shul Hameed Marican berkata pembelian balik saham dan jaminan kerajaan tidak memberhentikan pekerja, melegakan kakitangan MAS.

"Kenyataan itu merupakan suatu yang melegakan dan kakitangan MAS patut bersyukur terhadap jaminan berkenaan dengan berazam meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing," katanya.

Beliau turut mencadangkan kerajaan tidak lagi mewujudkan jawatan Pengerusi Eksekutif, sebaliknya jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan disandang oleh dua peneraju berbeza.

-- BERNAMA

RZS AHH RON